



**MALAYSIAN SOCIETY OF
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**
Est. 1982

SPECTRUM

MSAE



ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN


SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 02/2020

EDISI PERTAMA *ADVANCED AGRICULTURE OF FOOD RESEARCH JOURNAL (AAFRJ)*

Pada 5 Mei 2020, MSAE telah berjaya menerbitkan edisi pertama jurnal di bawah *Advanced Agriculture Of Food Research Journal (AAFRJ)* terbitan HH Publisher. AAFRJ merupakan jurnal antarabangsa akses terbuka (open access) yang menerbitkan hasil penyelidikan setiap subjek yang berkaitan dengan sains dan kejuruteraan dalam pertanian dan makanan terutamanya yang meliputi pertanian, biologi, persekitaran, sumber asli alam, teknologi makanan dan penternakan bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul.

Selain topik sains dan kejuruteraan, AAFRJ turut mengalakkan artikel berkaitan dengan pengembangan, pengurusan dan perniagaan pertanian serta perkhidmatan makanan sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. AAFRJ juga menerbitkan isu-isu khas daripada manuskrip yang terpilih dalam persidangan, prosiding dan seminar. Bagi edisi pertama AAFRJ ini, sebanyak 10 manuskrip telah diterbitkan. Manuskrip ini telah dipilih daripada kertaskerja yang telah dibentangkan di Konferen Webinar 2020 yang telah diadakan pada 29 Jun 2020. Ahli MSAE boleh akses AAFRJ di <http://journals.hhpublisher.com/index.php/AAFRJ/issue/view/20>



Gambar 1: Terbitan pertama MSAE, Siri 1: Advanced in Agricultural and Food Research Journal (AAFRJ)

KONFEREN WEBINAR MSAE 2020

Pada 29 Jun 2020, Konferen Webinar MSAE 2020 telah dijalankan secara maya. Konferen ini berlangsung selama 2 minggu dan semua kandungan program dapat diakses secara atas talian. Antara kandungan program adalah perkongsian video dan slaid serta poster pembentangan setiap peserta. Seramai 151 peserta menyertai Konferen Webinar MSAE 2020 kali ini. Berikut merupakan senarai keputusan pemenang pembentangan oral dan pembentangan poster. Tahniah dan syabas diucapkan dari MSAE atas kejayaan yang diperoleh serta terima kasih kepada semua peserta di atas penyertaan yang menggalakkan.

PEMENANG PEMBENTANGAN ORAL

- 1) **S.Saallah, J. Roslan, N. N. Zakaria, W. Pindi, S. Siddiquee, M. Mission, C.M. Ongkudon, N.H.A. Mohd. Jamil, I. W. Lenggoro (UMS)**
- 2) **Muhammad Haniff A, Chan C., Mohd. Khusairy K, Ibrahim Embong (MARDI)**
- 3) **Aili Hamzah, A.F., Hamzah, M.H., Ahmad Mazlan, F.N., Che Man, H., Jamali, N.S., Siajam, S.I (UPM)**

Jadual 1: Senarai pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga bagi kategori Pembentangan Oral Konferen Webinar MSAE 2020

PEMENANG PEMBENTANGAN POSTER

- 1) **Mohd. Shahmihazan bin Mat Jusoh, Wan Mohd. Aznan bin Wan Ahamad, Mohd. Naszim bin Nordin, Md. Akhir bin Hamid, Sentoor Kumeran A/L Giovindasamy, Zawayi bin Mat, Norahshekin binti Abdul Rahman (MARDI)**
- 2) **S.A. Razali, M.Z.M. Nor, M.S. Anuar, R. Shamsudin, W.A.F. Wan mohamad (UPM)**
- 3) **Amiruddin Mat Johari, Nur Aliaa Abd Rahman, Roseliza Kadir Basha, Azhari Samsu Baharuddin, Mohd. Afandi P. Mohammed, Wakisaka Minato (UPM)**

Jadual 2: Senarai pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga bagi kategori Pembentangan Poster Konferen Webinar MSAE 2020

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN JURUTERA PERTANIAN DAN MAKANAN MALAYSIA (MSAE) KALI KE-37

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) MSAE kali ke-37 yang seharusnya berlangsung pada 8 April 2020 di Dewan Tan Sri Abu Zahar, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur telah ditunda ketarikh yang baharu iaitu 30 Jun 2020. Pihak Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE) telah merancang untuk mengadakan AGM bersempena Konferen MSAE 2020 bertemakan "Makanan Kita Masa Depan Kita" pada 7-8 April 2020, namun disebabkan untuk menghindari penyebaran pandemik Covid-19, AGM telah diadakan secara berasingan dari Konferens Webinar 2020 secara maya. Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini telah diadakan melalui secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Zoom Meeting* dengan mengamalkan norma baharu. EXCO yang berdekatan berkumpul di Bilik Seminar, Fakulti Kejuruteraan dengan mengamalkan penjarakan sosial. Walaupun terdapat kekangan dari segi perjumpaan secara berkumpul dalam jumlah yang ramai, mesyuarat kali ini tetap mendapat sambutan yang menggalakkan. Terima kasih di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dari ahli MSAE.



Gambar 2: Mesyuarat Agung Tahunan MSAE kali ke-37

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

Pada 2 Julai 2020 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat kepada Puan Azulita Salim, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan sebagai penghargaan Puan Azulita selaku *keynote speaker* dan pengajar lokasi bagi Konferen Webinar MSAE 2020. Antara Exco yang turut hadir ialah Presiden MSAE, Timbalan Presiden MSAE, dan Setiausaha MSAE (Gambar 3).



Gambar 3: Kunjungan hormat Exco MSAE kepada KP LPP.

PENYERAHAN *GOODIES BAG* KONFEREN WEBINAR MSAE 2020 KEPADA WAKIL-WAKIL AGENSI

Pada 9 Julai 2020 yang lalu, wakil jawatankuasa Konferen Webinar MSAE 2020, Dr. Mohd. Salahuddin Mohd Basri telah menyerahkan *goodies bags* kepada wakil-wakil agensi yang menyertai Konferen Webinar MSAE 2020. Antara agensi yang menyertai konferen MSAE 2020 adalah daripada Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), MARDI, MPOB, Jabatan Pertanian dan KADA. Ribuan terima kasih diucapkan atas sokongan yang diberikan. (Gambar 4, Gambar 5 dan Gambar 6).



Gambar 4: Penyerahan '*goodies bags*' kepada wakil Jabatan Perikanan dan LKIM



Gambar 5: Penyerahan '*goodies bags*' kepada wakil LGM dan UMS



Gambar 6: Penyerahan '*goodies bags*' kepada wakil MARDI, Jabatan Pertanian dan KADA